

MAQASID SYARIAH DAN PRODUK KEWANGAN PATUH SYARIAH DALAM SEKTOR PENGURUSAN DANA ISLAM*

Profesor Dr Engku Rabiah Adawiah bt Engku Ali[©]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. MUQADDIMAH

Sejak beberapa dekad mutakhir, kita dapat melihat perkembangan yang pesat sekali dalam penawaran produk kewangan patuh *Syariah*, samada dalam sektor perbankan dan *takaful*, mahupun sektor pelaburan dan pengurusan dana. Perkembangan pesat ini dapat dilihat terutamanya di Malaysia, dan kejirannya, seperti Indonesia dan Brunei, juga di negara-negara lain di Timur Tengah seperti Saudi Arabia, Bahrain, Kuwait, Emiriyah Arab Bersatu, Qatar, Jordan, Sudan dan sebagainya. Penerimaan positif terhadap produk kewangan patuh *Syariah* juga dapat dikesan di beberapa negara bukan Islam, seperti di United Kingdom, Australia, Singapura dan Eropah.

Secara umumnya, produk kewangan patuh *Syariah* dilihat mampu memberikan nilai sebagai perkhidmatan kewangan alternatif kepada para pengguna dan pelanggan, di samping mampu bersaing secara kompetitif dengan industri kewangan konvensional, terutamanya dari segi pulangan kepada para pemegang saham dan pelabur. Walaupun pada asalnya, produk

* Kertas kerja ini disediakan untuk *Muktamar Kewangan Islam Brunei Darussalam 2013*, anjuran Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM) dan Centre for Research and Training (CERT), pada 17 Jun 2013, bertempat di The Empire Hotel & Country Club, Brunei Darussalam. Kertas kerja ini adalah penambahbaikan terhadap versi asal yang pernah di bentangkan oleh penulis di *Seminar Kebangsaan "Kesan Sistem Kewangan Islam Di Malaysia Terhadap Kekuatan Ekonomi Ummah - Satu Penilaian"*, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 6 - 7 Disember 2011.

© Profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

patuh *Syariah* dalam kewangan diperkenalkan untuk memenuhi tuntutan-tuntutan hukum *Syarak* dalam *muamalat* kewangan khususnya bagi golongan beragama Islam, namun, ia menjadi popular dan dapat diterima oleh banyak golongan, termasuk bukan Islam kerana kemampuan komersil dan keampuhannya untuk menjana keuntungan yang munasabah dan berdaya saing.

Dari sudut yang lain, kita melihat bahawa, rentetan dari krisis hutang dan ekonomi yang melanda sistem kewangan dunia sejak tahun 2008 yang lalu, dunia dan masyarakat secara amnya, seolah-olah hilang kepercayaan terhadap sistem kewangan sedia ada yang berasaskan hutang dan *riba*, serta berpaksikan falsafah kapitalisma. Dunia nampaknya sedang mencari-cari sistem kewangan alternatif yang dapat mengubat penyakit dan kepincangan yang jelas terpampang dalam sistem sedia ada. Kepincangan-kepincangan ini tersingkap secara terang berikutan krisis hutang yang berlaku, bermula dengan jatuhnya industri “mortgage” di Amerika Syarikat akibat krisis hutang “sub-prime” yang tidak terkawal. Krisis hutang ini berlarutan dan merebak ke peringkat dunia sehinggalah Iceland diisytiharkan bankrup pada Oktober 2008. Setelah itu, krisis kewangan dan pergolakan ekonomi dunia semakin meruncing, yang telah menggugat Greece, Portugal, Ireland, Sepanyol, Itali dan Eurozone secara keseluruhannya, sebagaimana yang kita ketahui dan ikuti dalam perkembangan mutakhir ekonomi dunia.

Soalan utama yang bermain di fikiran kebanyakan dari kita – adakah sistem kewangan patuh *Syariah* boleh diketengahkan sebagai sistem kewangan yang dinanti-nanti untuk menggantikan sistem kapitalis yang ternyata korup dan gagal? Adakah sistem kewangan patuh *Syariah* boleh menawarkan sesuatu yang mampu memenuhi harapan dunia dan umat manusia seluruhnya, iaitu suatu sistem kewangan yang berdayamaju, stabil, adil, seimbang dan membawa kemaslahatan sejagat?

Sebenarnya, keperluan kepada suatu sistem kewangan yang berdayamaju, stabil, adil, seimbang dan membawa kemaslahatan sejagat ini adalah berkait

Berdasarkan kefahaman terhadap *maqasid Syariah* dan konsep *maslahah* sebagaimana yang diungkapkan di atas, banyak tulisan, kajian dan pandangan telah diutarakan mengenai persoalan samada produk kewangan patuh *Syariah* dan industri kewangan Islam hari ini dapat memenuhi tuntutan *maqasid Syariah* atau pun tidak. Sebahagiannya berpandangan bahawa, sedikit sebanyak, produk patuh *Syariah* dan industri kewangan Islam mampu memenuhi beberapa tuntutan *maqasid Syariah*. Sebaliknya, sebahagian yang lain pula berpandangan bahawa produk patuh *Syariah* dan industri kewangan Islam hari ini gagal memenuhi *maqasid Syariah* dalam banyak keadaan. Kertaskerja ini akan cuba mengupas persoalan ini secara lebih khusus iaitu: samada produk patuh *Syariah* dalam sektor pengurusan dana Islam hari ini menepati *maqasid Syariah* ataupun tidak.

2. BEBERAPA TAKRIFAN & DEFINISI

Sebelum kita melangkah lebih jauh ke dalam tajuk yang diberi, semestinya beberapa takrifan dan definisi asas perlu diberi terhadap beberapa istilah utama dalam tajuk kertaskerja, iaitu istilah-istilah seperti: *maqasid*, *maqasid Syariah*, produk kewangan patuh *Syariah* dan sektor pengurusan dana Islam.

Maqasid (مقاصد) adalah kata *jama`* kepada perkataan *maqsad* (مقصد). Ia berasal dari kata dasar *qa-sa-da* (قصد). *Maqsad* boleh membawa beberapa makna dari segi bahasa, seperti: tujuan, pertengahan, kehendak dan niat.¹

¹ Rujuk: Khalifah Babekar Al-Hasan, *Falsafah Maqasid Al Tashri` fi al Fiqh al Islamiy* (2000), Maktabah Wahbah, Cairo, halaman 6; Husin Hamid Hasan, "Al Mu`amalat al Maliyyah wa

Syariah pula bererti 'jalan' dari segi bahasa. Dari segi istilah fekah, *Syariah* merujuk kepada "Komunikasi (arahan) dari Allah Taala yang berkaitan dengan perbuatan para *mukallaf* melalui dua sumber utama iaitu Al-Quran dan Sunnah".

Secara mudahnya, *maqasid Syariah* bererti "apa yang dikehendaki oleh *Syarak* dalam penetapan hukum-hakamnya". Dari segi istilah pula, terdapat pelbagai takrifan yang telah diberi oleh para ulama' terhadap istilah *maqasid al-Syariah*, terutamanya di kalangan para ulama' mazhab Shafi'i dan para ulama' mutakhir mazhab Maliki. Di antara takrifan-takrifan yang masyhur dan sering menjadi rujukan adalah seperti berikut:

Pertamanya, takrifan oleh Imam Al-Ghazali terhadap konsep *maslahah* dan *maqasid Syariah*, iaitu:

"أما المصلحة فهي عبارة في الأصل عن جلب منفعة ودفع مضرة، ولسنا نعني به ذلك، فإن جلب المنفعة ودفع المضرة مقاصد الخلق، وصلاح الخلق في تحصيل مقاصدهم، لكن نعني بالمصلحة المحافظة على مقصود الشارع، ومقصود الشارع من الخلق خمسة وهو: أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم ومالهم، فكل ما يتضمن حفظ هذه الأصول الخمسة فهو مصلحة، وكل ما يفوت هذه الأصول فهو مفسدة ودفعه مصلحة"²

Maknanya: "*Maslahah* asalnya adalah suatu ungkapan mengenai pencarian *manfaat* dan penolakan *mudarat*, dan ini bukanlah pengertian yang kami maksudkan di sini kerana pencarian *manfaat* dan penolakan *mudarat* adalah tujuan-tujuan makhluk, dan tentunya kebaikan makhluk tercapai dengan berhasilnya tujuan-tujuan mereka ini. Tetapi, yang kami maksudkan dengan *maslahah* adalah memelihara maksud / tujuan Pemberi *Syariat*, dan tujuan Pemberi *Syariat* bagi makhluk ada lima iaitu: untuk memelihara agama mereka, jiwa mereka, akal mereka, keturunan mereka dan harta mereka, setiap yang menjamin pemeliharaan terhadap kelima-lima asas ini adalah

Maqasid al Shari'ah al Islamiyyah", dan Said Bouheroua, "Maqsad Hifz al Mal wa al Wisatah al Maliyyah al Islamiyyah", 6th International Shar'iah Scholars Forum, 30th November – 1st December 2011, Kuala Lumpur.

² Al-Ghazali, *Al Mustasfa min 'Ilm al Usul*, vol. 1, Muassasah al Risalah, Beirut, p.p.416-417.

maslahah (kebaikan), dan setiap yang mengabaikan perkara-perkara asas ini adalah *mafsadah* (keburukan) dan menolaknya adalah *maslahah* (kebaikan).”

Keduanya, takrifan oleh Syeikh Muhammad Al Tahir bin `Ashur terhadap *Maqasid Syariah* yang umum:

"مقاصد التشريع العامة هي المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها؛ بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة، فيدخل في هذا أوصاف الشريعة وغايتها العامة والمعاني التي لا يخلو التشريع عن ملاحظتها، ويدخل في هذا أيضا معان من الحكم ليست ملحوظة في سائر أنواع الأحكام، ولكنها ملحوظة في أنواع كثيرة منها"³

Maknanya: “*Maqasid Syariah* yang umum adalah makna-makna dan hikmah-hikmah yang dapat diperhatikan dari Pemberi *Syariat* dalam keseluruhan keadaan pensyariaan atau kebanyakannya; di mana pemerhatian ini tidak dikhususkan kepada bentuk yang khas dari hukum-hukum *Syarak*. Maka termasuklah di sini, sifat-sifat *Syarak*, matlamatnya yang umum, dan makna-makna yang semestinya diperhatikan *Syarak*. Termasuk juga di sini, makna-makna sebahagian dari hikmah yang tidak dapat diperhatikan dalam seluruh bentuk hukum, tetapi ianya dapat diperhatikan dalam bentuk-bentuk yang banyak daripadanya.”

Ketiga, takrifan oleh Syeikh `Allal Al-Fasy, iaitu:

"المراد بمقاصد الشريعة الغاية منها، والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها"⁴

Maknanya: “Makna yang dikehendaki dari ‘*Maqasid al-Syariah*’ adalah matlamat darinya, dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Pemberi *Syariat* pada setiap hukum dari hukum-hakamnya.”

Keempat, takrifan yang agak kontemporari dari Ahmad Al-Raysuni, iaitu:

³ Muhammad Al-Tahir bin `Ashur, *Maqasid al Shari`ah al Islamiyyah*, edisi tahqiq oleh Dr Tahir Al-Mesawy, (Cetakan Kedua - 2001), Dar al Nafa'is, Jordan, halaman 251.

⁴ `Allal Al-Fasy, *Maqasid al Shari`ah wa Makarimuha*, Al Dar al Bayda', Maktabah al Wahdah al `Arabiyyah, halaman 3; dipetik dari Zaki Yamani, “Fiqh al Maqasid wa Fiqh al Nusus”, dalam *Maqasid al Shari`ah al Islamiyyah: Dirasat fi Qadaya al Minhaj wa Majalat al Tatbiq* (2006), terbitan Al Furqan Islamic Heritage Foundation & Al Maqasis Research Centre in the Philosophy of Islamic Law, London, halaman 24.

"مقاصد الشريعة هي الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد"⁵

Maknanya: “*Maqasid Syariah* adalah matlamat-matlamat yang kerananya *Syariat* diletakkan demi kemaslahatan para hamba (hamba Allah, yakni manusia)”.

Berdasarkan kepada takrifan-takrifan yang diberi di atas, dapatlah di simpulkan bahawa *maqasid Syariah* adalah apa yang diinginkan atau dimaksudkan oleh Pemberi *Syariat* (yakni Allah swt) dalam menetapkan *Syariatnya* dan mewajibkan ketaatan terhadap hukum-hakam *Syarak* ke atas hamba-hambanya, di mana maksud dan tujuan tersebut (*maqasid Syariah*) dapat difahami dengan meneliti sejumlah nas-nas atau dalil-dalil *Syarak* secara keseluruhan sehingga memberikan kefahaman yang jelas dan *qat`i* mengenainya.

Produk kewangan patuh *Syariah* dalam sektor pengurusan dana Islam merujuk kepada beberapa produk yang telah disahkan oleh panel *Syariah* yang diiktiraf oleh pihak pengawalselia pasaran, seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai mematuhi kehendak *Syarak* dalam *muamalat* kewangan dan pasaran modal Islam. Produk-produk ini merangkumi pelbagai jenis produk pelaburan seperti:

- Pelaburan ekuiti patuh *Syariah*
- Pelaburan amanah saham Islam
- Pelaburan unit amanah hartanah secara Islam (i-REIT)
- Pelaburan dalam *sukuk* atau sekuriti Islam
- Pasaran wang Islam
- Pelaburan ekuiti pensendirian Islam (Islamic private equity) dan modal teroka Islam (Islamic venture capital)
- Pelaburan melalui produk deposit di bank-bank Islam
- Produk berstruktur Islam, dan sebagainya

⁵ Ahmad Al-Raysuni, *Nazariyyah al Maqasid`inda Al-Imam Al-Shatibi* (1995), IIIT, Virginia, halaman 7; dipetik dari Said Bouheroua, “Maqsad Hifz al Mal wa al Wisatah al Maliyyah al Islamiyyah”, 6th *International Shar`iah Scholars Forum*, 30th November – 1st December 2011, Kuala Lumpur.

3. CIRI-CIRI KHAS *MAQASID SYARIAH*

Maqasid Syariah mempunyai beberapa ciri khas, iaitu:

3.1 *Maqasid* Merupakan Asas *Tasyri`* (pensyariatan)

Para *ulama' usul* dan *maqasid* semuanya sepakat bahawa Allah swt menginginkan kemaslahatan untuk hamba-hambaNya dan bertujuan menolak kemudaratan dari mereka dalam menetapkan *Syariat* Islam untuk mereka. *Maqasid* untuk merealisasikan *maslahah* dan menolak *mudarat* ini sentiasa berlaku dalam penetapan hukum *Syarak* oleh Allah *taala*, samada disadari oleh para *mujtahid* yang mengkaji ataupun tidak. Ibn Qayyim al-Jawziyyah berkata:

"إن الشريعة مبناها وأساسها على الحكم ومصالح العباد في المعاش والمعاد وهي عدل كلها ورحمة كلها ومصالح كلها وحكمة كلها فكل مسألة خرجت عن العدل إلى الجور وعن الرحمة إلى ضدها وعن المصلحة إلى المفسدة وعن الحكمة إلى العبث فليست من الشريعة وإن أدخلت فيها بالتأويل"⁶

Maknanya: "Sesungguhnya *Syariah* terbina dan terasas di atas dasar hikmah dan *maslahah* untuk para hamba di dalam kehidupan dunia dan akhirat, ia adalah seluruhnya keadilan dan rahmat, *maslahah* dan hikmah. Maka, setiap persoalan yang keluar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmat kepada sebaliknya, daripada *maslahah* kepada *mafsadah*, daripada hikmah kepada kesesiaan, maka ia bukanlah dari *Syariat*, walaupun telah dimasukkan ke dalamnya melalui *takwil*."

3.2 *Maqasid* Bersifat Menyeluruh (*kulliyy*) dan Umum (*am*)

Maqasid merangkumi semua perkara secara menyeluruh, samada dalam perkara *ibadat*, *muamalat*, adat kebiasaan, kontrak dan sebagainya. Firman Allah *taala* di dalam Surah al-Nahl: ayat 89:

"ونزلنا عليك الكتاب تبياناً لكل شيء وهدى ورحمة وبشرى للمسلمين"

⁶ Ibn Qayyim, *I'lam al Muwaqqi'in*, Maktabah Dar al Bayan, Damsyik.

Maksudnya: "... dan Kami turunkan Kitab (Al-Quran) kepadamu untuk menjelaskan segala sesuatu, sebagai petunjuk, serta rahmat dan khabar gembira bagi orang yang berserah diri (Muslim)".

3.3 *Maqasid Thabit secara Qat`i (jelas/putus)*

Maqasid difahami dan ditentukan secara *qat`i* (putus) kerana ia tidak *diistinbat* secara tersendiri dari satu *nas* atau *dalil Syarak* sahaja, tetapi *thabit* melalui pemerhatian terhadap sekumpulan dalil-dalil atau nas-nas *Syarak* yang secara keseluruhannya memberi petunjuk yang sama dan sekata terhadap kewujudan *maqasid* tersebut secara *qat`i*.

4. MAQASID SYARIAH DI DALAM HARTA

Maqsad hifz al mal atau "matlamat menjaga/memelihara hartabenda" merupakan salah satu dari *maqasid Syariah* yang lima, sebagaimana yang disebut oleh Imam Al-Ghazali dalam takrifannya sebelum ini, iaitu: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Penerangan yang terperinci tentang matlamat pemeliharaan hartabenda telah diberikan oleh Syeikh Al-Tahir bin `Ashur dalam bukunya "*Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*", khususnya di dalam bab "*Maqasid al-Tasarrufat al-Maliyyah*".⁷ Menurut beliau, *Syariat* Islam datang untuk menjaga dan memelihara sistem kehidupan umat manusia, sehingga ia menjadi kuat dan mulia. Tentunya hartabenda dan perbendaharaan umat manusia juga diberi perhatian yang besar oleh *Syariah* Islam. Apabila kita memerhatikan dalil-dalil *Syarak* di dalam Al-Quran dan Sunnah, jelaslah bahawa hartabenda dan pemeliharaannya mendapat tempat yang penting menurut pandangan *Syarak*. Sebagai contoh, *zakat* dijadikan oleh Al-Quran sebagai *syiar* Islam dan tanda orang yang beriman (Al-Maidah: 55; Fussilat: 6-7). Begitu juga, hartabenda disebut sebagai boleh membawa kemaslahatan kepada ummat

⁷ Muhammad Al-Tahir bin `Ashur, *Maqasid al Shari`ah al Islamiyyah*, edisi *tahqiq* oleh Dr Tahir Al-Mesawy, (Cetakan Kedua - 2001), Dar al Nafa'is, Jordan, halaman 451.

apabila diperolehi dan dibelanjakan secara baik (Al-Qasas: 82; AlBaqarah: 3, 254; Al Muzzammil: 20 dsb.).

Menurut Syeikh Al-Tahir bin `Ashur,⁸ tujuan *Syarak* di dalam hartabenda ada lima, iaitu:

1. *Al-Rawaj* (الرواج) – maksudnya, hartabenda tersebut bergerak dan tersebar di kalangan sebanyak mungkin manusia dengan cara yang benar atau hak. Pergerakan hartabenda ini boleh berlaku melalui jalan perniagaan, pelaburan, pekerjaan dan penggunaan harta itu sendiri. Sebagai contoh, Rasulullah saw pernah bersabda:

"ما من مسلم يزرع زرعاً، أو يغرس غرساً، فيأكل منه طير أو إنسان أو بهيمة، إلا كان له به صدقة"⁹

Maksudnya: "Tidak ada seorang Muslim yang menanam tanaman atau menyemai semaian, maka seekor burung, atau seorang manusia, atau seekor haiwan memakan darinya, kecuali jadilah untuknya suatu sedekah dengan sebab itu".

Firman Allah yang memuji para peniaga yang mengembara dan menyebar luaskan harta di kalangan manusia boleh dilihat dalam Surah al-Muzammil, ayat 20:

"وآخرون يضرِبون في الأرض يبتغون من فضل الله، وآخرون يقاتلون في سبيل الله"

Maksudnya: "... dan yang lain berjalan di bumi mencari sebahagian kurnia Allah; dan yang lain berperang di jalan Allah..."

Untuk tujuan penyebaran harta ini, telah disyariatkan pelbagai akad *muamalat* seperti jualbeli, pemberian, perkongsian dan sebagainya. Begitu juga, di antara tujuan penshariatan *zakat* adalah supaya harta tidak hanya berkisar di kalangan orang-orang kaya sahaja.

⁸ Muhammad Al-Tahir bin `Ashur, *Maqasid al-Shari`ah al-Islamiyyah*, edisi *tahqiq* oleh Dr Tahir Al-Mesawy, (Cetakan Kedua - 2001), Dar al Nafa'is, Jordan, halaman 464 -477.

⁹ *Sahih al-Bukhari*, "Kitab al Harth wal Muzara`ah", Hadith nombor 2320, Jilid 3.

2. *Al-Wuduh* (الوضوح) – maksudnya, jelas, yakni hak-hak yang berkaitan dengan harta dapat ditentukan dengan jelas demi menjauhkan hartabenda tersebut dari *mudarat* atau terdedah kepada pertelingkahan selagi yang boleh. Untuk tujuan tersebut, disyariatkan persaksian (*isyhad*) dalam *muamalat*, dan akad cagaran (*rahn*) semasa berhutang.

3. *Hifz al-Amwal* (حفظ الأموال) – maksudnya memelihara harta. Asal usul *maqsad* ini adalah firman Allah dalam Surah al-Nisa': ayat 29:

"يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِإِلْبَاطٍ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ"

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang *batil* (tidak benar) kecuali dalam perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama suka di antara kamu".

Rasulullah saw juga bersabda semasa *Khutbah* pada Haji *Wida'* yang berbunyi:

"إن دماءكم وأموالكم عليكم حرام كحرمة يومكم هذا في شهركم هذا في بلدكم هذا"

Maksudnya: "Sesungguhnya darah kamu dan harta kamu adalah suci, sepertimana sucinya harimu ini dan bulanmu ini dan negerimu ini..."

Semua dalil-dalil ini dan banyak lagi yang seumpamanya menunjukkan bahawa hartabenda itu dipelihara oleh *Syariat*, dan sesiapa yang menceroboh harta orang lain secara yang tidak benar dijanjikan dosa yang besar menurut *Syariat* Islam.

Pemeliharaan hartabenda ini dijamin oleh *Syariat*, samada hartabenda tersebut kepunyaan individu, ataupun hak orangramai. Demi memelihara harta umat, maka disyariatkan hukum-hukum perdagangan antarabangsa, seperti hukum perdagangan dengan negara musuh, *ahli dhimmah*, hukum *jizyah* dan *kharaj* dan seumpamanya. Begitu juga, disyariatkan peraturan pasaran dan larangan menyorok barangan (*ihthikar*), penetapan pembahagian *zakat* dan rampasan perang, serta peraturan-peraturan *waqf* awam dan tanggungjawab para *wali* dan *wasi* terhadap harta orang-orang yang di bawah

jagaannya. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap orang untuk menghormati dan mengiktiraf hartabenda milik orang lain, supaya tidak berlaku pencerobohan yang tidak sepatutnya.

4. *Al-Thabat* (الثبات) – maksudnya, pemilikan dan hak pemilik diperaku secara *thabit* dan jelas, tanpa sebarang gangguan gugat atau pertikaian. Perkara ini dapat dicapai melalui:

Pertama: pemilikan melalui akad yang sah, dengan memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan, dan menjauhi segala perkara yang boleh merosakkan akad tersebut.

Kedua: pemilik harta tersebut bebas bermuamalat dengan harta yang dimiliki, dengan syarat ia tidak membawa mudarat yang jelas atau menyebabkan pencerobohan keatas orang lain.

Ketiga: tidak dirampas harta tersebut dari pemiliknya secara paksa tanpa keredaannya, kecuali ada hak orang lain terhadap harta tersebut. Dalam keadaan tersebut perlulah dirujuk kepada hakim supaya dapat diputuskan hak-hak yang berkaitan supaya dapat ditunaikan dengan perintah mahkamah.

5. *Al-`Adl fil Amwal* (العدل في الأموال) – maksudnya, keadilan dalam harta, yakni, harta tersebut mestilah terhasil dengan cara yang tidak menzalimi pihak lain. Contohnya, dengan usaha dari pemilik untuk menghasilkan harta tersebut, dengan membeli dari pemiliknya yang asal, atau melalui pemberian ataupun pewarisan.

Selain itu, keadilan dalam harta juga bermaksud, menjaga *maslahah* awam dan menolak kemudaratan dari mereka. Perkara ini berkait dengan harta yang diperlukan oleh orang ramai dalam kehidupan seharian, seperti bahan makanan dan bahanapi, atau harta yang digunakan untuk berlingung dari serangan musuh dsb. Dalam keadaan ini, walaupun harta tersebut dimiliki oleh orang perseorangan, tetapi mereka tidak mempunyai wewenang penuh terhadapnya, tidak seperti harta-harta yang lain. Contohnya, tidak boleh menyorok makanan kerana ini akan memudaratkan masyarakat awam.

5. **PRODUK PATUH SYARIAH DALAM SEKTOR PENGURUSAN DANA ISLAM & PENILAIAN MAQASID SYARIAH**

Setelah melihat secara agak mendalam mengenai konsep dan pengertian *maqasid Syariah*, khususnya, *maqasid Syariah* yang melibatkan hartabenda, marilah kita menilai kembali samada produk patuh *Syariah* dalam sektor pengurusan dana Islam dapat mencapai atau memenuhi *maqasid Syariah* yang disebut di atas ataupun tidak. Oleh kerana kekangan masa dan ruang dalam kertaskerja yang ringkas ini, hanya dua produk patuh *Syariah* dalam sektor pengurusan dana Islam yang akan dinilai, iaitu:

- Pelaburan ekuiti patuh *Syariah*
- Pelaburan dalam *sukuk*

Pelaburan ekuiti patuh *Syariah* merupakan salah satu komponen utama dalam sektor pengurusan dana Islam. Pelaburan ekuiti patuh *Syariah* di Malaysia, contohnya, melibatkan pelaburan dengan membeli saham di dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, maupun yang tidak tersenarai. Pembelian saham-saham ini boleh dibuat oleh pelabur itu sendiri secara langsung, ataupun melalui perantaraan syarikat pengurusan dana (fund management companies) atau syarikat unit amanah (unit trust companies).

Perkara utama yang menjamin bahawa saham-saham ini adalah patuh *Syariah* adalah dengan melakukan penapisan terhadap syarikat-syarikat berkenaan (stock screening). Kriteria penapisan mungkin berbeza dari suatu penyedia indeks (index provider) berbanding dengan yang lain. Contohnya, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menggunakan kriteria penapisan berasaskan penilaian aktiviti perniagaan syarikat. Penapisan ini akan menggugurkan mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan yang bercanggah dengan prinsip *Syarak*, seperti perniagaan berasaskan *riba*, *gharar*, judi, pengeluaran arak dan *khinzir*, ponografi dan seumpamanya. Selain dari itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia juga akan menggunakan kaedah penapisan tambahan bermula November 2013 ini,

iaitu dengan melihat kadar nisbah kewangan (financial ratio) syarikat berkenaan. Di sini, dua kadar nisbah kewangan akan ditapis, iaitu nisbah hutang (konvensional) berbanding jumlah aset (total asset) syarikat; dan nisbah wang tunai (dalam deposit konvensional) berbanding jumlah aset syarikat. Kedua-dua nisbah tersebut mestilah tidak melebihi kadar 33% dari jumlah aset syarikat.

Pelaburan dalam *sukuk* merupakan komponen yang tidak kurang pentingnya dalam pasaran modal dan pengurusan dana Islam di Malaysia. Kelebihan pelaburan dalam *sukuk* berbanding dengan pelaburan ekuiti adalah kadar risikonya yang lebih rendah berbanding ekuiti. Pelaburan ekuiti dianggap berisiko tinggi kerana keuntungan yang diperolehi tidak tetap dan tidak terjamin, malah terdapat kemungkinan yang modal asal juga boleh hilang akibat kerugian. Namun, pulangan yang diharapkan dari pelaburan ekuiti biasanya adalah tinggi (dalam lingkungan 10%-15% atau lebih), samada dalam bentuk dividen atau keuntungan modal (capital gain). Pelaburan dalam *sukuk* pula dianggap berisiko sederhana kerana pulangannya agak tetap dan berkala, manakala modal asal boleh dijamin dalam sesetengah keadaan. Sejalan dengan itu, pulangan yang diharapkan juga adalah sederhana (biasanya dalam lingkungan 6%-8%), namun lebih tinggi dari pulangan deposit di bank-bank.

Sukuk melibatkan suatu transaksi di mana pihak pelabur akan membiaya keperluan dana pihak penerbit *sukuk*. Pembiayaan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, contohnya melalui pembelian aset dan penyewaannya (*sukuk al-ijarah*), pembelian komoditi dan penjualan kembali dengan keuntungan dan harga tertanggung (*sukuk al-murabahah*), atau akad perkongsian dalam membiayai sesuatu projek (*sukuk al-mudarabah* atau *sukuk al-musharakah*). Pelaburan dalam *sukuk* mempunyai waktu yang terhad dan mempunyai tempoh matang yang tertentu. Kepatuhan *Syariah* berlaku melalui penggunaan kontrak jualbeli, sewaan, perkongsian dan sebagainya yang tidak melibatkan unsur *riba* dan *gharar*, atau aktiviti-aktiviti lain yang ditegah *Syarak*.

Sekarang, marilah kita meletakkan kelima-lima *maqasid Syariah* mengenai harta dalam konteks pelaburan ekuiti patuh Syariah dan pelaburan dalam *sukuk* untuk menilai pencapaiannya.

Pertama, adakah pelaburan ekuiti dan pelaburan dalam *sukuk* ini menggerakkan harta dan menyebarkannya kepada sebanyak mungkin manusia dalam masyarakat? Secara umumnya, bolehlah dikatakan bahawa pelaburan ini berpotensi menggerakkan harta dan menyebarkannya secara meluas. Wang yang dilaburkan melalui ekuiti menjadi modal yang digunakan oleh syarikat untuk melaksanakan aktiviti perniagaan mereka. Aktiviti perniagaan syarikat-syarikat ini pula adalah pelbagai dan meliputi banyak jenis industri dan sektor ekonomi yang rencam. Bagi mereka yang membeli saham di pasaran sekunder, mereka memberi peluang bagi pelabur asal untuk mendapat kembali modal mereka, samada dengan keuntungan ataupun tidak. Begitu juga, wang pembiayaan dalam *sukuk* pula digunakan oleh penerbit untuk membiayai aktiviti perniagaan mereka ataupun melaksanakan projek yang ingin mereka jayakan, yang meliputi pelbagai sektor ekonomi dan industri.

Di samping itu, dengan adanya syarikat pengurusan dana Islam dan syarikat unit amanah Islam, para pelabur runcit yang sebelum ini tiada akses atau kepakaran untuk terlibat dalam pasaran saham ataupun *sukuk* kini berpeluang untuk berbuat demikian, tanpa perlu menyediakan wang yang banyak, atau terdedah kepada risiko yang terlalu tinggi berdasarkan kepakaran pengurusan dari pihak syarikat pengurusan dana. Kesemua faktor ini memudahkan penglibatan pelabur dari pelbagai latarbelakang dan kemampuan kewangan untuk bersama-sama terlibat di dalam aktiviti ekonomi yang sebenar (real economy) di dalam masyarakat.

Beberapa syarikat pengurusan dana Islam juga menawarkan khidmat pengurusan pembayaran *zakat* kepada para pelabur. Sekiranya pembayaran *zakat* dilaksanakan secara sebenar oleh semua pihak yang terlibat, ini

tentunya akan melancarkan pengeluaran *zakat* kepada *asnaf* yang memerlukan dan menjamin bahawa harta tersebut tidak hanya berlegar di kalangan mereka yang kaya sahaja.

Mengenai kejelasan hak, pemeliharaan harta, dan *thabitnya* hak-hak pemilik terhadap hartanya, bolehlah dikatakan bahawa perkara ini juga terjaga dalam pelaburan ekuiti patuh Syariah dan pelaburan *sukuk*, kerana pasaran ekuiti dan *sukuk* secara umumnya dikawalselia dengan baik oleh pihak pengawalselia (regulator), contohnya di Malaysia, oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia, dan transaksi yang berlaku adalah telus dan semestinya direkod dalam dokumen perjanjian yang bertulis dan jelas.

Pelaburan patuh *Syariah* secara umumnya adalah berasaskan aset (asset-based) ataupun terlibat dengan aktiviti ekonomi sebenar (real economic activities). Pelaburan dan perniagaan dalam aset yang tidak wujud secara jelas dianggap mengandungi unsur *gharar* dan tidak dibenarkan oleh hukum *Syarak*. Oleh itu aset-aset konvensional yang bersifat “toksik” seperti penspekulatif hutang secara berlapis-lapis yang melibatkan pelbagai peringkat “leverage” dan ketidaktelusan, urusan instrumen derivatif yang berasaskan aset atau tuntutan-tuntutan yang tidak jelas dan samar (opaque), spekulasi yang tidak terkawal, seperti melalui amalan “naked short-selling” dan seumpamanya, semuanya tidak termasuk dalam bentuk-bentuk pelaburan yang dibenarkan oleh *Syarak*. Dari sudut ini, pelaburan patuh *Syariah* adalah terpelihara dari unsur-unsur aset yang tidak jelas dan “buih kewangan” (financial bubbles) yang berleluasa dalam pasaran pelaburan dan kewangan konvensional.

Namun, ini tidak bermakna yang pelaburan patuh *Syariah* akan sentiasa kebal dari krisis kewangan atau kegagalan dan kerugian. Dalam apa keadaan pun, tadbir urus kewangan yang berhemat, bijak dan seimbang adalah penting bagi menjamin kejayaan sesuatu projek pembiayaan atau pelaburan.

Mengenai matlamat keadilan dalam hartabenda, penapisan patuh *Syariah* dalam ekuiti patuh *Syariah* memberi jaminan bahawa pelaburan tersebut tidak melibatkan aktiviti yang dilarang *Syarak*, termasuklah aktiviti perniagaan yang zalim dan berunsur penipuan seperti *riba*, *gharar* dan judi. Di dalam pelaburan *sukuk* pula, pematuhan *Syariah* dipantau lebih kepada transaksi atau aktiviti yang berkait langsung dengan pembiayaan yang dibuat sahaja, tanpa melihat kepada aktiviti syarikat penerbit secara terperinci. Dalam kebanyakan keadaan, projek yang dibiayai oleh *sukuk* tersebut boleh diasingkan (ring-fenced) dari lain-lain aktiviti perniagaan syarikat penerbit.

Wujudnya pemantauan kepatuhan *Syariah* oleh panel *Syariah* terhadap aktiviti pengurusan pelaburan yang dibuat oleh pengurus dana Islam merupakan suatu bentuk “check and balance” ataupun “due diligence” yang tidak ujud dalam pengurusan dana konvensional. Dalam kebanyakan keadaan, panel *Syariah* bukan hanya memantau kepatuhan *Syariah* semata-mata, tetapi juga melihat isu-isu kewajaran dan kesaksamaan kepada pelanggan, pelabur dan pengguna secara umum.

Namun, banyak juga terdengar kritikan terhadap kriteria penapisan patuh *Syariah* di mana aspek *masalah* awam dan penolakan *mafsadah* yang lebih meluas tidak diambilkira semasa penapisan tersebut dibuat. Sebagai contoh, aspek tanggungjawab sosial korporat dan tadbir urus syarikat yang baik, tidak diberi perhatian dalam proses penapisan. Jadi, sesebuah syarikat mungkin patuh *Syariah* dari segi aktiviti utama perniagaan dan pendapatan bersih, tetapi mungkin terlibat dalam pencemaran alam sekitar (*mafsadah*) atau tidak mempunyai tadbir urus syarikat yang baik dari segi kebajikan pekerja. Aspek-aspek ini boleh membawa kepada ketidakadilan dalam menguruskan harta sehingga membawa *mudarat* kepada pihak lain.

Oleh kerana itu, terdapat beberapa inisiatif untuk mewujudkan indeks patuh *Syariah* yang digabungkan dengan aspek tanggungjawab sosial korporat dan tadbir urus syarikat yang baik. Ini adalah perkembangan yang baik dan dapat

menyumbang ke arah mencapai *maqasid Syariah* yang lebih baik dan seimbang.

Di samping itu, *maqasid Syariah* dalam memenuhi keperluan manusia boleh dibahagikan kepada tiga prioriti utama, iaitu *daruriyyat* (keperluan mendesak), *hajiiyyat* (keperluan) dan *tahsiniyyat* (penambahbaikan). Dalam konteks penggunaan harta, sepatutnya ia disalurkan untuk memenuhi keperluan mendesak dahulu, kemudiannya keperluan biasa dan seterusnya penambahbaikan.

Pelaburan ekuiti patuh *Syariah* setakat ini lebih bergantung kepada potensi pulangan samada dalam bentuk dividen atau keuntungan modal (capital gain), tanpa mengambilkira sektor-sektor pelaburan berdasarkan prioriti keperluan sebagaimana yang digariskan di atas. Pelaburan *sukuk* pula dibuat berdasarkan kemampuan kewangan penerbit dan samada ini bersesuaian dengan kadar pulangan yang diinginkan oleh pihak pelabur. Faktor seperti prioriti sektor keperluan dalam masyarakat biasanya tidak diambilkira. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya kriteria pelaburan berdasarkan prioriti sektor-sektor keperluan dalam masyarakat dapat dibangunkan, supaya wang lebihan dalam pasaran modal dapat disalurkan kepada sektor-sektor pengeluaran, berdasarkan prioriti keperluan yang sebenar. Sebagai contoh, banyak cadangan yang dibuat mengenai kepentingan memberikan keutamaan kepada sektor SME (industri kecil dan sederhana) dan juga pembasmian kemiskinan melalui pembiayaan “mikro” (micro-finance). Begitu juga, keutamaan perlu diberi terhadap industri yang melibatkan keperluan asas, seperti pengeluaran makanan ruji, industri *halal*, perumahan dan infrastruktur asas yang lain.

Dengan mengambilkira prioriti keperluan (*daruriyyat, hajiiyyat dan tahsiniyyat*) dalam masyarakat berdasarkan perkiraan *maqasid Syariah*, pengurusan dan penggunaan dana dapat dioptimalkan demi mencapai kemajuan yang sebenar (*tanmiyah*) dan kemakmuran sejagat (*‘umran al-‘alam*) yang benar-benar diberkati dan “sustainable”.

6. KESIMPULAN & PENUTUP

Berdasarkan perbincangan yang dibuat di atas, dapatlah disimpulkan bahawa sistem kewangan Islam dan pengurusan dana Islam yang bermula secara kecil-kecilan sejak tahun 1963 (penubuhan Tabung Haji di Malaysia), telah berkembang dengan pesat dan pantas dalam masa hampir lima dekad yang lalu. Kini, industri kewangan Islam sudah berkembang di seluruh dunia dan menarik perhatian pelbagai pihak samada secara positif atau negatif.

Perkembangan industri kewangan Islam meliputi dimensi-dimensi yang pelbagai, samada dari segi produk, jumlah peserta pasaran, saiz aset yang terlibat, jenis pasaran dan sebagainya. Namun, di sebalik semua kejayaan dan perkembangan positif yang dicapai oleh industri kewangan Islam, ia tidak dapat lari dari kritikan dan tohmahan yang tidak kurang panasnya, terutama dari segi pencapaian dan keselarian dengan *maqasid Syariah* yang lebih luas. Sebagai suatu industri yang relatifnya masih muda, yang terpaksa bergerak di dalam eko-sistem ekonomi dan kewangan yang masih bersifat konvensional secara keseluruhannya, samada dari segi infrastruktur pasaran, peraturan, adat-resam dan budaya pasaran, serta falsafah dan nilai yang terpakai, tentunya industri kewangan Islam ini tidak dapat lari dari menghadapi pelbagai masalah, kekangan dan cabaran di dalam mencapai matlamat dan tujuannya, samada dari segi komersil, dayasaing atau pencapaian *maqasid Syariah* itu sendiri. Oleh itu, tentunya kita tidak mampu mencanangkan bahawa industri kewangan Islam ini adalah sempurna dan cemerlang, tanpa cacat dan cela. Tentunya masih ada ruang-ruang yang masih perlu diperbaiki dan diperkembangkan.

Walau apapun, segala bentuk perkhidmatan kewangan dan pelaburan Islam yang ada di pasaran hari ini adalah hasil usaha gigih pelbagai pihak untuk melaksanakan kepatuhan *Syariah* secara “real” dalam praktik kewangan dan pelaburan kontemporari, dengan segala kekangan dan kelemahan usaha manusiawi itu sendiri. Oleh itu, demi penambahbaikan dan ke arah mencapai

kesempurnaan, setakat yang mampu, kritikan membina yang ada asas yang kukuh serta berwajaran adalah penting sebagai cermin diri untuk maju ke depan.

Penilaian *maqasid Syariah* terhadap beberapa produk patuh *Syariah* dalam sektor pengurusan dana Islam mendapati bahawa secara dasarnya, banyak aspek *maqasid Syariah* yang boleh dan telah dicapai, contohnya, dari segi pergerakan dan penyebaran harta kepada sebanyak mungkin manusia, kejelasan, pemeliharaan dan *thabitnya* hak-hak pihak yang terlibat terhadap harta, dan keadilan dalam menjana dan menggunakan harta.

Namun, penambahbaikan masih boleh dibuat bagi merencanakan lagi keberkesanan penjanaan harta dan penyebarannya secara lebih adil dan saksama melalui:

- polisi pelaburan yang mengambilkira *masalah* awam yang lebih luas, contohnya, isu alamsekitar, kebajikan pekerja, industri berisiko tinggi dsb.;
- penekanan kepada tadbirurus syarikat yang baik dan saksama, samada terhadap pelanggan/pengguna, pelabur, atau terhadap pekerja syarikat itu sendiri;
- mengambilkira prioriti keperluan berdasarkan *maqasid (daruriyyat, hajiyyat, tahsiniyyat)* dalam memilih sektor pelaburan; dan
- pengamalan sistem pengutipan dan pengagihan *zakat* yang berkesan dan efisien.

Penambahbaikan terhadap pemeliharaan harta juga boleh dibuat supaya hak-hak pihak yang terlibat lebih terjamin, melalui:

- penekanan kepada ketelusan yang lebih berkesan dalam semua transaksi
- pendidikan pelabur, pelanggan dan pengguna mengenai ciri-ciri dan kesan kontrak yang dimeterai
- tadbirurus harta yang berhemat dan bijak
- pengurusan risiko yang kemas, professional dan cermat

Akhirnya, sebagai penutup, perlulah ditekankan di sini bahawa tanggungjawab untuk mencapai *maqasid Syariah*, khususnya dari segi mewujudkan keadilan sosial dan ekonomi dalam penggunaan dan pengagihan harta sebenarnya adalah tanggungjawab semua pihak dan unit dalam masyarakat. Adalah tidak adil untuk meletakkan tanggungjawab tersebut secara mutlak di atas bahu industri kewangan Islam atau sektor pelaburan dana Islam semata-mata. Dalam sejarah Islam, penjana dan pengurusan harta yang berkesan di semua peringkat, termasuklah institusi *waqaf*, *zakat*, badan-badan *khairat* dan kebajikan, serta institusi ekonomi yang lain seperti pasar, perkongsian perniagaan dan sebagainya, masing-masing secara individu dan kolektif, telah menyumbang kepada kesaksamaan dan keseimbangan sosial dan ekonomi dalam masyarakat dan ummah. Oleh itu, marilah kita sama-sama memainkan peranan masing-masing, samada secara individu atau institusi untuk membuat pilihan secara sedar supaya setiap tindakan kita adalah selari dengan kehendak *maqasid Syariah* sebagaimana yang sepatutnya.

Wallahu A`lam bis Sawab, wassalamu alaykum warahmatullahi wabarakatuh.